

22/04/1997

Pemilihan Ketua Pemuda Umno bersih

KOTA BHARU, Isnin - Dakwaan pihak tertentu kononnya berlaku penipuan dalam pemilihan jawatan Ketua Pergerakan Pemuda Umno pada pemilihan Oktober lalu adalah karut dan tidak berasas.

Bekas Penyelia Pembilangan Undi pemilihan agung Umno, Tan Sri Hussein Ahmad, berkata setiap kertas undi yang dikira dipastikan sama banyak dengan jumlah perwakilan, sebelum dikira menggunakan sistem komputer dan dikira sekali lagi bagi kali kedua secara biasa.

Menurutnya, hanya Tan Sri Mustaffa Jabar, wakil calon yang bertanding, wakil Badan Perhubungan Umno dan sekumpulan pelajar Institut Teknologi Mara (ITM) saja dibenarkan berada dalam dewan pengiraan undi.

Bahkan, tegas beliau, Setiausaha Agung Umno ketika itu, Datuk Mohamed Rahmat sendiri tidak berada di dalam dewan pengiraan undi.

"Tidak ada penyelewengan. Sesiapa yang mengatakan ada penyelewengan, dia dusta," katanya selepas sidang akhbar mengenai perayaan Jubli Perak Kada, pada Rabu ini, di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan ahli Umno cawangan Medan Imbi, Khairuddin Abu Hassan, yang mahu menyerahkan memorandum serta bukti yang dikumpulkan, kepada Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung apa yang didakwa berlaku penipuan dalam pemilihan Ketua Pemuda Umno, Oktober lalu.

Dalam pemilihan itu, Zahid mendapat 109 undi menewaskan empat calon, termasuk Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik yang mendapat 103 undi. Tiga lagi calon, Datuk Annuar Musa mendapat 135 undi, Tan Sri Mohd Isa Samad (72), manakala Abdul Rahman Salleh hanya mendapat satu undi. Lima daripada 515 kertas undi yang dikeluarkan rosak.

Hussein berkata, semua keputusan membabitkan pertandingan peringkat tertinggi Umno dalam pemilihan Oktober lalu adalah benar dan muktamad.

"Kalau ada pihak yang hendak membuat penyelewengan, sebenarnya tiada ruang untuk membuat penyelewengan. Semua pemerhati, wakil perhubungan ada di dalam dewan.

"Kita (jawatankuasa mengira undi) sudah diamanahkan dan berikrar menjalankan tugas. Saya sendiri berada di dalam dewan. Saya akan tegur mana-mana pihak yang sengaja hendak usik kertas undi," katanya.

Hussein berkata, kertas peti undi diletakkan pada kedudukan lebih tinggi daripada pemerhati bagi memastikan keselamatannya.

Mengenai dakwaan Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat kononnya Umno sebuah parti berteraskan nasionalisme yang berbeza dengan dasar Pas, beliau yang juga Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno menyifatkan kenyataan itu sebagai irama lama yang terus dimainkan Pas.

Menurutnya, Umno sebenarnya adalah sebuah parti nasionalis ke-Islaman Malaysia yang berjuang sesuai dengan tuntutan semasa di negara ini.

(END)